



# MANUAL

## PROGRAM PEMBINAAN SAHSIAH PELAJAR

2010-2011

SEK.MEN.KEB. KAMUNTING

34600 KAMUNTING

PERAK DARUL RIDZUAN

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
1. Perutusan Pengetua	4
2. Perutusan Penolong Kanan Hal-Ehwal Murid	5
3. Latar belakang Sekolah	6-7
4. Objektif - Umum	
- Khusus	
5. Carta Organisasi	8
6. Ahli Jawatankuasa Badan Pembinaan Sahsiah Pelajar	9
7. Fungsi- Fungsi Utama Badan	10-11
<b>8. Proses Kerja dan Carta Aliran Aktiviti Utama</b>	
Latihan Imam dan Bilal	12-13
Solat Berjemaah dan Ta'lim	14-15
Amalan Berdoa	16-17
Amalan Memberi Salam/Ucap Selamat	18-19
Amalan Membaca Al-Quran/Baca Yaasin	20-21
Tahlil dan Zikir	22-23
Amalan Memakai Pakaian Kebangsaan	24
Ziarah	25
Kuliah	26-27
Penghayatan Ramadan Al-Mubarak	28-30
Gotong-Royong/Kerja Bakti	31-32
Pertandingan	33-35

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Ceramah	36-37
Kelas Fardhu Ain	38-39
Kursus Kepimpinan Pelajar/Kefahaman Islam	40-41
Qiamullail	42-43
Usrah	44-45
Sambutan Hari-Hari Kebesaran	46-47
Perkemahan	48-49
Program Penampilan Diri	50-51
Norma Kerja	52-54
Lampiran A ( Contoh Kertas Kerja )	55
Lampiran B ( Contoh Jadual Kursus Kepimpinan Pelajar )	56
Lampiran C ( Penilaian Kursus Kepimpinan Pelajar )	57-58
Lampiran D ( Rancangan Aktiviti Penghayatan Ramadan Al-Mubarak )	59
Lampiran E ( Borang Pendaftaran Pertandingan )	60
Lampiran F ( Senarai Semak Aktiviti-Aktiviti )	61
Lampiran G ( Kelompok Bimbingan @ Remaja Gemilang 2010 )	62
Lampiran H ( Bahan Bacaan)	63-73

**PERUTUSAN PENGETUA SMK KAMUNTING**

**Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh**

**SELAIN** memberikan tumpuan kepada aspek fizikal seperti pembinaan instrumen mencegah pelanggaran disiplin dan penguatkuasaan peraturan sekolah, pelajar-pelajar juga memerlukan program pengisian rohani yang dirancang secara tersusun, berkualiti dan bersesuaian dengan keperluan sebenar sekolah yang dilaksanakan secara berterusan.

Adalah tidak mencukupi jika pelajar sekadar dikekang dengan sejumlah peraturan, peringatan, amaran dan hukuman sedangkan jiwa mereka tidak diisi dengan makanan rohani yang lebih daripada sekadar mencukupi.

Makanan rohani yang berupa pengisian ilmu agama, zikir dan latihan ibadat adalah keperluan jiwa sebenar pelajar yang berupaya mencegah pelajar daripada melakukan perbuatan mungkar. Jiwa kelompok remaja yang sedang membesar ini perlu dididik dengan ilmu agama serta amal makruf yang berterusan.

Usaha ini tentulah menuntut pengorbanan masa dan tenaga daripada golongan pendidik di sekolah ini. Aspek tenaga penggerak tidak sepatutnya menjadi masalah kepada kita sebab di sekolah ini yang kebetulan ada Kelas Rancangan Khas Agama memiliki sekumpulan ustaz dan ustazah yang mempunyai kemahiran agama yang tinggi yang boleh digembleng secara bersepadu untuk melaksanakan agenda murni ini.

Keghairahan kita untuk menangani masalah disiplin, jangan sampai kita terlupa kepada aspek yang satu ini sedangkan inilah yang mendasari disiplin keseluruhannya dalam mencapai matlamat melahirkan modal insan yang berkualiti untuk keperluan duniawi dan ukhrawi.

Para guru di sekolah juga diharapkan agar tidak meletakkan harapan sepenuhnya kepada ibu bapa dalam menjalankan tanggungjawab memberi bimbingan agama dan rohani kepada anak-anak mereka. Mereka juga tidak patut berterusan menyalahkan ibu bapa jika sesuatu yang buruk terjadi ke atas anak mereka.

Menyalahkan ibu bapa secara berterusan tidak akan mengubah nasib pelajar-pelajar kita. Jadi apa yang boleh kita lakukan sebagai insan yang pernah terdidik secara formal di pusat pengajian tinggi dan agak lebih bernasib baik daripada sesetengah ibu bapa, ialah dengan membantu mereka memberikan pendidikan agama dan bimbingan rohani kepada anak-anak mereka semasa di sekolah.

Insyallah Buku Manual Pembinaan Sahsiah Pelajar yang dirumus khas oleh Unit Hal-Ehwal Murid yang ada di tangan tuan/puan ini boleh dijadikan panduan dasar dalam menggerakkan pelbagai aktiviti pengisian jiwa dan rohani ke atas pelajar Islam di sekolah ini. Semoga usaha yang kita lakukan ini diberkati oleh Allah.

Sekian, terima kasih.

**( HAJI ABDUL SATAR BIN ABDULLAH )**

**Manual Program Pembinaan Sahsiah Pelajar**

## PERUTUSAN PENOLONG KANAN HAL-EHWAL MURID



**BERDASARKAN** Teori X dan Y oleh McGregor, manusia mempunyai potensi dan peluang yang sama banyak sama ada untuk melakukan kesalahan atau memilih kebenaran. Jika manusia dibiarkan tanpa perhatian manusia akan memilih apa yang ia rasa seronok untuk melakukannya, termasuk perkara-perkara yang salah.

Apatah lagi manusia itu masih bergelar pelajar yang belum cukup matang untuk dibiarkan berfikir bebas dan bersendirian dalam membuat pilihan. Sering sahaja pilihan itu tidak tepat dan merosakkan diri mereka. Sebab itu pelajar memerlukan bantuan dan bimbingan secara berterusan. Di sekolah, bimbingan dan bantuan itu diberi oleh insan yang sangat mulia yang bergelar guru. Guru akan memandu dan membantu pelajar agar niat yang tidak betul jika ada pada awalnya tidak akan dapat dilepaskan untuk melakukan kesalahan.

Tegasnya niat sahaja tidak akan berupaya direalisasikan jika tidak ada ruang yang akan ditukar sebagai peluang untuk berbuat demikian. Kesalahan yang dilakukan oleh pelajar seperti ponteng kelas, berbuat bising, mencuri, merokok dan sebagainya hampir semuanya berpunca daripada ruang yang wujud di sekitar mereka yang kadang-kadang tidak disedari oleh para guru. Sebagai guru, kita wajar menjadi lebih bijak daripada pelajar serta lebih bijaksana dalam menghidu ruang agar tidak sampai digunakan sebagai peluang oleh pelajar untuk melakukan kesalahan.

Selain menutup ruang dan peluang daripada mereka melakukan kesalahan, kita juga patut memberikan pelajar hanya yang terbaik iaitu sesuatu yang bersifat kekal dan holistik sebagai langkah pencegahan untuk jangka panjang. Janganlah sampai kita meninggalkan perkara pokok disebabkan tumpuan yang berlebihan ke atas perkara-perkara cabang. Pengisian rohani dan ibadat adalah merupakan perkara pokok yang saya maksudkan yang tidak boleh diabaikan sama sekali.

Sesungguhnya langkah pengisian mesti dijalankan serentak dengan langkah pencegahan. Melakukan amal soleh sahaja masih belum mencukupi sekiranya seseorang itu tidak meninggalkan perkara-perkara mungkar. Langkah menghukum pelajar yang bersalah tidak cukup untuk mendidik pelajar yang lain jika jiwa pelajar masih kosong daripada aspek rohani dan agama.

Oleh itu pihak sekolah telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan program pembangunan rohani pelajar melalui unit-unit tertentu di bawah empat bidang kemenjadian utama sekolah, iaitu pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan HEM dengan menggubal satu pelan bertindak yang dinamakan Manual Program Pembinaan Sahsiah Pelajar yang antara lain bertujuan membendung kes salah laku pelajar sama ada di dalam sekolah mahupun di luar sekolah.

Dalam merealisasikan usaha ini seluruh tenaga guru pendidikan Islam akan digembleng secara bersepadu bersama unit-unit lain di bawah empat bidang kemenjadian utama sekolah dengan dikawal selia terus oleh Pengetua dan pentadbir. Ketua Panitia Pendidikan Islam akan berfungsi sebagai Setiausaha dalam JK Program ini dengan penyelarasnya Kaunselor sekolah.

( **ABD BASHID BIN HARUN** )

**Manual Program Pembinaan Sahsiah Pelajar**

Latarbelakang:

SMK Kamunting merupakan sebuah sekolah menengah yang selalu dikaitkan dengan pelbagai stigma negatif di kalangan pelajarannya. Ini sebenarnya bukanlah masalah, tetapi ruang dan peluang yang terbuka luas bagi pihak sekolah melaksanakan pelbagai program pembangunan peningkatan kerohanian dan kesedaran di kalangan pelajarannya. Di bawah Unit Hal-Ehwal Murid, beberapa masalah telah dikenal pasti dan diikuti dengan penyusunan pelbagai program dan aktiviti yang bersesuaian yang akan dilaksanakan bermula Ramadhan ini. Ini adalah kerana sekolah percaya bahawa sahsiah yang baik adalah permulaan kepada penambahbaikan menyeluruh termasuk dalam bidang akademik. Untuk merealisasikan hasrat ini, penghayatan agama Islam dan nilai-nilai murni perlu dimantapkan penerapannya melalui program-program dan aktiviti yang berbentuk kerohanian yang terancang.

1. (a) Objektif Umum:

Melahirkan generasi pelajar yang berpegang teguh kepada akidah dan syariah Islam serta mampu mencerminkan akhlak yang mulia, menjadi ikutan dan teladan dalam pelaksanaan tanggungjawab yang diamanahkan.

Memiliki sifat- sifat penampilan diri yang sempurna dan menyakinkan.


(b) Objektif Khusus:

- i) Melahirkan pelajar Muslim yang berilmu, beriman dan beramal.
- ii) Melahirkan pelajar yang dedikasi, berdisiplin, bertanggungjawab dan produktif.
- iii) Melahirkan pelajar yang penyayang, berbudi bahasa, jujur, amanah dan berhemah tinggi.

- iv) Melahirkan pelajar yang bersyukur dan sentiasa mengenang budi.
- v) Menyediakan landasan ke arah kejayaan di dunia dan akhirat.
- vi) Melahirkan pelajar- pelajar yang memiliki budaya yang tinggi dan nilai-nilai estetika yang murni.

# CARTA ORGANISASI

## BADAN PEMBINAAN SAHSIAH PELAJAR



**AJK BADAN PEMBINAAN****SAHSIAH PELAJAR**

PENGERUSI	:	PENGETUA
TIMB. PENERUSI I	:	PENOLONG KANAN HEM
TIMB. PENERUSI II	:	PENOLONG KANAN PENTADBIRAN
TIMB. PENERUSI III	:	PENOLONG KANAN KOKURIKULUM
TIMB. PENERUSI IV	:	PENOLONG KANAN PETANG
TIMB. PENERUSI V	:	PENOLONG KANAN TINGKATAN ENAM
PENYELARAS	:	KAUNSELOR
SETIAUSAHA BERSAMA	:	KETUA PANITIA PENDIDIKAN ISLAM
	:	GURU PROGRAM PPDa
AHLI JAWATANKUASA	:	Ketua-Ketua Bidang
	:	Guru Pendidikan Islam
	:	Ketua Panitia Pendidikan Moral
	:	Guru Persatuan Pendidikan Islam & Bahasa Arab
	:	Guru Puteri Islam
	:	Guru Bimbingan & kaunseling (pagi & Petang)
	:	Ketua Guru Penasihat Pengawas Pagi & Petang
	:	Ketua Guru Disiplin Pagi & Petang
	:	Guru-Guru JK Program Surau
	:	Guru-guru Multimedia

### Fungsi –fungsi Utama

Membentuk generasi pelajar berakhlak mulia.

Melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Membentuk pelajar memiliki ciri- ciri kematangan peribadi organisasi, intelektual dan kepimpinan bertaraf dunia.

#### 6. Aktiviti Bagi Fungsi- fungsi Utama

##### Membentuk generasi berakhlak mulia

- 6.1.1. Latihan Imam dan Bilal.
- 6.1.2. Solat berjemaah dan Ta'lim.
- 6.1.3. Amalan berdoa.
- 6.1.4. Amalan memberi salam.
- 6.1.5. Membaca Al Quran/Yaasin
- 6.1.6. Tahlil dan Zikir.
- 6.1.7. Budaya berpakaian sopan.
- 6.1.8. Ziarah ke hospital/rumah.
- 6.1.9. Kuliah Zohor.
- 6.1.10. Penghayatan Sayyidul Ayyam
- 6.1.11. Penghayatan Ramadan Al- Mubarak

##### Melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani

- 6.2.1. Gotong – royong
- 6.2.2. Pertandingan / aktiviti bercorak ke-Islaman.
- 6.2.3. Ceramah berunsur keagamaan.
- 6.2.4. Forum

Membentuk pelajar memiliki ciri- ciri kematangan peribadi, organisasi, intelektual dan kepimpinan bertaraf dunia.

6.3.1. Kursus Kepimpinan Pelajar.

6.3.2. Qiamullail.

6.3.3. Usrah.

6.3.4. Pertandingan syarahan, kuiz dan membaca puisi.

6.3.5. Sambutan Hari- Hari Kebesaran Islam

- Maulidur Rasul
- Maal Hijrah
- Isra' dan Mikraj
- Nuzul Al-Quran
- Asyura

6.3.6. Perkhemahan Ibadah

6.3.7. Kursus Kefahaman Islam

6.3.8. Program Penampilan Diri


- Cara berpakaian
- Adab makan
- Cara pergaulan
- Cara berkomunikasi

**7. PROSES KERJA AKTIVITI UTAMA**Membentuk generasi berakhlak mulia

Latihan Imam dan Bilal


<b>Jawatan</b>	<b>Proses Kerja</b>
Guru Pendidikan Islam	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kenal pasti pelajar yang boleh menjadi Imam dan Bilal.</li> <li>2. Temuduga pelajar yang telah dikenal pasti.</li> <li>3. Jadual Latihan.</li> <li>4. Menyediakan buku/ Kitab Panduan imam dan bilal.</li> <li>5. Tempat latihan.</li> <li>6. Tenaga Pengajar</li> <li>7. Menjalankan Kursus secara musahah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kefasihan bacaan</li> <li>• Tajwid</li> <li>• Akhlak</li> </ul> </li> <li>8. Penilaian</li> <li>9. Pengiktirafan</li> </ol>

7.1.1.2 Carta Aliran : Latihan Imam dan Bilal





7.1.2.1. Carta Aliran : Sembahyang Berjemaah dan Ta'alim




## 7.1.3. Amalan Berdoa

- a. Sebelum dan selepas makan
- b. Sebelum dan selepas belajar
- c. Sebelum perhimpunan pagi
- d. Selepas perhimpunan mingguan
- e. Doa harian yang sesuai dengan aktiviti pelajar.

<b>Jawatan</b>	<b>Proses Kerja</b>
Guru Pendidikan Islam	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyediakan teks doa sesuai dengan keadaan</li> <li>2. Melatih pelajar membaca doa dan menghafaz doa</li> <li>3. Melatih tatacara dan adab berdoa</li> <li>4. Menentukan pelajar-pelajar mengetahui bacaan doa secara berjadual.</li> <li>5. Mempastikan pelajar mengaminkan doa</li> <li>6. Membuat penyeliaan dan penilaian</li> </ol>


7.1.3.1 Carta Aliran : Amalan Berdoa

- a. Sebelum dan selepas makan
- b. Sebelum dan selepas belajar
- c. Selepas perhimpunan pagi
- d. Selepas perhimpunan mingguan
- e. Doa harian yang sesuai





7.1.4.1 Carta Aliran : Budaya Memberi Salam / Ucap Selamat



Memberi kesedaran dan kefahaman tentang pentingnya kelebihan salam / ucap.

Mengedarkan risalah mengenai fadilat memberi salam

Melatih pelajar memberi dan menjawab salam dengan betul:

- Orang yang sedang berjalan memberi salam kepada orang yang sedang duduk.
- Orang muda memberi salam kepada orang tua.
- Orang yang masuk ke dalam majlis kepada orang yang ada dalam majlis


Penyeliaan

Penguuhan

## 7.1.5. Amalan membaca Al-Quran

<b>Jawatan</b>	<b>Proses Kerja</b>
Guru Pendidikan Islam	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengenal pasti pelajar yang tidak boleh membaca Al-Quran dengan betul melalui ujian bacaan semasa Kelas Fardhu Ain dan kokurikulum agama kepada pelajar baru.</li><li>2. Mengadakan kelas pengajian Al-Quran yang buta Al-Quran.</li><li>3. Menyediakan kemudahan bahan (Al-Quran), buku tafsir, tempat dan guru-guru Al-Quran.</li><li>4. Menyediakan jadual kelas membaca Al-Quran.</li><li>5. Amalan membaca Al-Quran selepas sembahyang.</li><li>6. Penyeliaan.</li></ol>


7.1.5.1 Carta Aliran : Amalan Membaca Al-Quran/Yaasin




## 7.1.6. Tahlil dan Zikir

<b>Jawatan</b>	<b>Proses Kerja</b>
Guru Pendidikan Islam	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengenal pasti pelajar yang tidak boleh bertahlil dan zikir.</li><li>2. Memberi pendedahan tentang fadilat tahlil dan zikir.</li><li>3. Menyediakan kemudahan untuk bertahlil dan zikir.</li><li>4. Melantik pemimpin majlis tahlil dan zikir.</li><li>5. Mengadakan kegiatan bertahlil dan zikir beramai-ramai.</li><li>6. Melatih secara berkumpulan kecil.</li><li>7. Membuat penilaian.</li></ol>


7.1.6.1 Carta Aliran : Tahlil dan Zikir



7.1.7.1 Carta Aliran : Amalan Memakai Pakaian Kebangsaan




7.1.8.1 Carta Aliran : Ziarah



## 7.1.9 Kuliah

<b>Jawatan</b>	<b>Proses Kerja</b>
Guru Pendidikan Islam	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengadakan mesyuarat.</li><li>2. Menentukan tajuk kuliah subuh.</li><li>3. Membuat jadual pengkuliahan.</li><li>4. Jadual pelajar mempengerusikan majlis.</li><li>5. Mempastikan kehadiran semua pelajar.</li><li>6. Mempastikan pelajar membuat catatan bahan kuliah.</li><li>7. Membuat penilaian dan penyeliaan.</li></ol>


7.1.9.1 Carta Aliran : Kuliah




## Penghayatan Ramadan Al-Mubarak

<b>Jawatan</b>	<b>Proses Kerja</b>
PK HEM Penyelaras Pengetua  AJK Badan Pembinaan Sahsiah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menubuhkan Jawatankuasa Penghayatan Ramadan.</li> <li>2. Merancang dan menyediakan jadual aktiviti.</li> <li>3. Mendapatkan peruntukan dan keperluan.</li> <li>4. Mengadakan majlis pelancaran.</li> <li>5. Pelaksanaan aktiviti:-               <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tadarus</li> <li>▪ Solat Tarawih</li> <li>▪ Kempen berpakaian sopan</li> <li>▪ Pertandingan</li> </ul> </li> <li>6. Menulis surat jemputan kepada pengerusi dan AJK PIBG untuk menghadiri majlis berbuka puasa dan khatam al-Quran dan bersahur.</li> <li>7. Memaklumkan kepada warga sekolah berkenaan majlis tersebut.</li> <li>8. Majlis berbuka puasa dan khatam al-Quran.</li> <li>9. Pertandingan – tulisan khat, jawi, nasyid, puisi Islam dan kuiz.</li> <li>10. Mengadakan ceramah Nuzul Al-Quran dan Qiamullail.</li> <li>11. Sumbangan hadiah Sambutan Hari Raya kepada anak yatim dan yang kurang kemampuan.</li> <li>12. Majlis penutup.</li> <li>13. Penilaian dan tindakan susulan.</li> </ol>

7.1.10.1 Carta Aliran : Penghayatan Ramadan






Melahirkan Insan Yang Seimbang

## Gotong-Royong / Kerja Bakti

Jawatan	Proses Kerja
PK HEM  Setiausaha  AJK Badan Sahsiah  Guru & Pelajar	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menubuhkan jawatankuasa kecil yang melibatkan guru dan pelajar.</li> <li>2. Mengenal pasti kawasan / tempat, masa dan kumpulan sasaran.</li> <li>3. Memaklumkan kepada Pengetua dan menghubungi pihak berkenaan untuk mendapatkan kebenaran dan menetapkan tarikh.</li> <li>4. Menyediakan jadual waktu.</li> <li>5. Membuat tempahan bas dan menyediakan peralatan yang perlu.</li> <li>6. Memaklumkan kepada pihak kantin/guru ERT untuk mendapat bekalan makanan pada hari berkenaan.</li> <li>7. Menyampaikan taklimat sebelum aktiviti.</li> <li>8. Menjalankan aktiviti.</li> <li>9. Penyeliaan.</li> <li>10. Laporan dan tindak susul.</li> </ol>


7.2.1.1 Carta Aliran : Gotong-Royong / Kerja Bakti




## 7.2.2. Pertandingan

Jawatan	Proses Kerja
PK HEM Kaunselor Mentor Mentee AJK Badan Pembinaan Sahsiah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penubuhan jawatankuasa</li> <li>2. Mengadakan mesyuarat</li> <li>3. Mengenal pasti jenis pertandingan, tarikh, masa dan tempat.</li> <li>4. Menghantar surat jemputan.</li> <li>5. Memaklumkan kepada pelajar, guru/kumpulan sasaran.</li> <li>6. Menyediakan borang pendaftaran peserta, syarat-syarat penyertaan, borang penghakiman dan buku cenderamata.</li> <li>7. Menyusun aturcara pertandingan majlis.</li> <li>8. Mengenal pasti dan membuat perlantikan Hakim, Pengerusi Majlis, Penjaga Masa dan Pencatat.</li> <li>9. Menyediakan hadiah, cenderamata, minuman dan siaraya.</li> <li>10. Menyusun atur tempat pertandingan, tetamu peserta dan hakim.</li> <li>11. Taklimat kepada peserta dan hakim.</li> <li>12. Mengadakan Majlis Perasmian.</li> <li>13. Melaksanakan pertandingan.</li> <li>14. Persidangan hakim untuk mengira markah.</li> <li>15. Majlis penutup.</li> <li>16. Jamuan.</li> <li>17. Laporan.</li> </ol>

7.2.2.1 Carta Aliran : Pertandingan






## 7.2.3 Ceramah

<b>Jawatan</b>	<b>Proses Kerja</b>
PK HEM  AJK Badan Sahsiah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membentuk jawatankuasa.</li> <li>2. Mengadakan mesyuarat.</li> <li>3. Menentukan tempat, masa, peralatan dan Pengerusi Majlis.</li> <li>4. Menentukan dan memaklumkan kepada Kumpulan Sasaran.</li> <li>5. Menentukan tajuk ceramah (mengikut kesesuaian).</li> <li>6. Mengenal pasti penceramah undangan.</li> <li>7. Mengundang penceramah.</li> <li>8. Menyediakan cenderamata, minuman untuk penceramah dan AJK, tempat ceramah dan siaraya.</li> <li>9. Melaksanakan ceramah.</li> <li>10. Penyeliaan dan Penilaian.</li> <li>11. Laporan.</li> </ol>


7.2.3.1 Carta Aliran : Ceramah



## 7.2.4. Kelas Fardhu Ain

<b>Jawatan</b>	<b>Proses Kerja</b>
Guru Pendidikan Islam	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Menentukan kumpulan pelajar mengikut tahap kemampuan mereka melalui borang soal selidik dan temubual.</li><li>2. Mengagihkan pelajar mengikut tahap kebolehan mereka.</li><li>3. Menetapkan masa, tempat, guru dan kumpulan pelajar yang terlibat.</li><li>4. Mengadakan Kelas Fardhu Ain.</li><li>5. Membuat penilaian.</li><li>6. Laporan.</li></ol>

7.2.4.1 Carta Aliran : Kelas Fardhu Ain




7.4 Melahirkan pelajar yang memiliki ciri-ciri kematangan peribadi, organisasi, intelektual dan kepimpinan bertaraf dunia.

7.3.1. Kursus Kepimpinan Pelajar / Kefahaman Islam

<b>Jawatan</b>	<b>Proses Kerja</b>
Ketua Panitia Pendidikan Islam	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pembentukan ahli Jawatankuasa kursus kepimpinan.</li><li>2. Mengadakan mesyuarat.</li><li>3. Menyediakan kertas kerja kursus kepimpinan.</li><li>4. Mendapatkan kelulusan Pengetua.</li><li>5. Menulis surat kepada pihak berkenaan.</li><li>6. Pelaksanaan Kursus.</li><li>7. Penilaian.</li><li>8. Laporan.</li></ol>


7.3.1.1 Carta Aliran : Kursus Kepimpinan Pelajar / Dan Kefahaman Islam



## 7.3.2. Qiamullail

<b>Jawatan</b>	<b>Proses Kerja</b>
AJK Badan Sahsiah	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Membentuk jawatankuasa kecil.</li><li>2. Menetapkan tarikh, masa dan tempat.</li><li>3. Menentukan Kumpulan Sasaran.</li><li>4. Menentukan pemimpin Qiamullail.</li><li>5. Menyediakan dan mengedarkan risalah.</li><li>6. Melaksanakan Qiamullail.</li><li>7. Penyeliaan.</li><li>8. Penilaian.</li><li>9. Laporan.</li></ol>


7.3.2.1 Carta Aliran : Qiamullail



7.3.3 Usrah

<b>Jawatan</b>	<b>Proses Kerja</b>
AJK Badan  Sahsiah	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengadakan mesyuarat.</li><li>2. Merancang tempat dan masa.</li><li>3. Mengenal pasti pelajar dan membentuk kumpulan usrah. (Cadangan: 7-10 orang satu kumpulan)</li><li>4. Membentuk kumpulan pelajar lelaki dan perempuan</li><li>5. Menentukan pemimpin (Naqib) bagi setiap kumpulan.</li><li>6. Mengadakan usrah secara halaqah (bulatan).</li><li>7. Membuat catatan kehadiran ahli dan membuat catatan isi perbincangan.</li><li>8. Penyeliaan.</li><li>9. Penilaian.</li><li>10. Laporan.</li></ol>


7.3.3.1 Carta Aliran : Usrah



## 7.3.4. Sambutan Hari-hari Kebesaran.

Jawatan	Proses Kerja
GPK HEM	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menubuhkan jawatankuasa.</li> <li>2. Mengadakan mesyuarat.</li> <li>3. Mengenal pasti tokoh-tokoh yang terlibat, tarikh, masa dan tempat.</li> <li>4. Mendapat sumber kewangan daripada sekolah, PIBG dan penderma-penderma.</li> <li>5. Mengenal pasti kumpulan sasaran seperti Pelajar, ibu bapa / masyarakat dan tokoh-tokoh setempat.</li> <li>6. Menulis surat jemputan kepada semua yang terlibat.</li> <li>7. Mengurus peralatan, makan minum dan cenderamata.</li> <li>8. Melaksanakan program :   <p style="margin-left: 40px;">Contoh: ceramah, ziarah, jamuan, pertandingan-pertandingan (tulisan jawi, khat, poster dan lain-lain). Mengadakan sepanduk khas, perarakan dan lain-lain.</p> </li> <li>9. Majlis penutup dan penyampaian hadiah pada acara-acara tertentu.</li> <li>10. Penilaian.</li> <li>11. Laporan.</li> </ol>


7.3.4.1 Carta Aliran : Sambutan Hari-hari Kebesaran




## 7.3.5 Perkhemahan

<b>Jawatan</b>	<b>Proses Kerja</b>
AJK Badan Sahsiah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membentuk jawatankuasa perkhemahan.</li> <li>2. Mengadakan mesyuarat.</li> <li>3. Mengenal pasti tempat, tarikh dan kumpulan sasaran.</li> <li>4. Menyediakan kertas kerja perkhemahan.</li> <li>5. Menulis surat kebenaran – JPN, ibu bapa / penjaga dan tempat perkhemahan.</li> <li>6. Memaklumkan kepada pihak keselamatan.</li> <li>7. Menguruskan kenderaan, makanan dan peralatan.</li> <li>8. Membuat tinjauan ke kawasan perkhemahan.</li> <li>9. Mengadakan taklimat kepada semua yang terlibat.</li> <li>10. Menjalankan aktiviti perkhemahan</li> <li>11. Gotong-royong</li> <li>12. Persiapan untuk pulang</li> <li>13. Penilaian</li> <li>14. Laporan</li> </ol>

7.3.5.1 Carta Aliran : Perkhemahan






## 7.3.6. Program Penampilan Diri

Jawatan	Proses Kerja
<p>AJK Badan Sahsiah</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membentuk jawatankuasa program.</li> <li>2. Mengadakan mesyuarat untuk menentukan agihan tugas dan program.</li> <li>3. Membentuk jawatankuasa kecil bagi setiap program. <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Program 'Table Manners' / 'High Table' (Adab Makan)</li> <li>ii. Program berpakaian kemas.</li> <li>iii. Program berkomunikasi. (menghadiri temuduga, cara pergaulan, cara bercakap dan lain-lain).</li> <li>iv. Program nilai-nilai estetika. (Menghayati keindahan, sayang menyayangi dan lain-lain).</li> </ol> </li> <li>4. Jawatankuasa kecil tiap-tiap program mengadakan mesyuaratnya dan menyediakan pelan tindakan.</li> <li>5. Mengenal tokoh dan menulis surat jemputan.</li> <li>6. Pelaksanaan program.</li> <li>7. Penyeliaan program.</li> <li>8. Penilaian.</li> <li>9. Laporan</li> </ol>

3.6.1 Carta Aliran : Program Penampilan Diri



BIL.	JENIS AKTIVITI	MASA DIAMBIL	KEKERAPAN
1.	Mesyuarat Badan Pembinaan Sahsiah Pelajar.	2 jam	4 x setahun
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Aktiviti	1 jam	mengikut keperluan
3.	Penyediaan Kertas Kerja	1 minggu	
4.	Sembahyang Berjemaah dan Taklim	5 minit	sepanjang tahun sepanjang tahun
5.	Amalan Berdoa	10 minit	
6.	Budaya Memberi Salam Kempen	10 minit	sepanjang tahun sepanjang tahun
7.	Kempen Berbudaya Sopan	10 minit	
8.	Bacaan Al-Quran dan Zikir	15 minit	setiap hari
9.	Majlis Bacaan Yaasin, Tahlil dan Ceramah Ringkas	1 jam	1 x seminggu
10.	Kuliah Zohor	30 minit	2 x seminggu
11.	Usrah	2 jam	1 x seminggu
12.	Berpakaian sopan	10 minit	sepanjang tahun
13.	Fadhu Ain	1 jam	2 x seminggu
14.	Gotong-royong	2 jam	5 x seminggu
15.	Ziarah		sepanjang tahun
16.	Qiamullail	1 ½ jam	3 x setahun
17.	Kursus Kepimpinan Pelajar	3 hari	2 x setahun
18.	Program Penampilan Diri	1 jam	sepanjang tahun

BIL.	JENIS AKTIVITI	MASA DIAMBIL	KEKERAPAN
19.	Sambutan Hari Kebesaran Islam		
	19.1. Is'ra Mikraj	2 jam	1 x setahun
	19.2. Maulidur Rasul	2 jam	1 x setahun
	19.3. Ma'al Hijrah	2 jam	1 x setahun
	19.4. Nuzul Quran	2 jam	1 x setahun
	19.5. Hari Raya Puasa dan Haji	1 jam	2 x setahun
	19.6. Asyura	2 jam	1 x setahun
20.		3 hari	1 x setahun
21.	Perkemahan	1 jam	sepanjang Ramadhan
22.	Penghayatan Ramadhan		
		2 jam	2 x setahun
	Pertandingan-pertandingan	1 jam	
	22.1. Nasyid	2 jam	
	22.2. Tahfiz		
	22.3. Bercerita kisah-kisah Al-Quran	1 jam 1 jam	
	22.4. Berzanji	2 jam	
	22.5. Tulisan Jawi / Khat		
	22.6. Kebersihan / Keceriaan Kelas / Dorm		

**LAMPIRAN A****CONTOH KERTAS KERJA**

1. **TAJUK** : KURSUS KEPIMPINAN PELAJAR
2. **DIKEMUKAKAN OLEH** : AJK KURSUS KEPIMPINAN PELAJAR
3. **TUJUAN** : BAGI MENDAPATKAN PANDANGAN DAN  
KELULUSAN PENGETUA BAGI MENGADAKAN  
KURSUS KEPIMPINAN PELAJAR.
4. **LATARBELAKANG** :
5. **MATLAMAT** :
6. **KURIKULUM KURSUS** :

**CERAMAH DAN BENGKEL**

- a. Pendedahan Cara Kepimpinan Menurut Islam.
- b. Pengendalian Mesyuarat.
- c. Melatih Pelajar Merancang dan Melaksanakan Program-Program Bercorak  
Islam di Sekolah

**RIADAH****USRAH****QIAMULLAIL**

## LAMPIRAN B

<b>CONTOH JADUAL KURSUS KEPIMPINAN PELAJAR</b>
--

<b>MASA/HARI</b>	<b>JUMAAT</b>	<b>SABTU</b>	<b>AHAD</b>
2.30 – 4.45 pagi			QIAMULLAIL
4.45 – 6.15 pagi		SOLAT SUBUH & KULIAH SUBUH	SOLAT SUBUH & KULIAH SUBUH
6.15 – 7.30 pagi		SARAPAN PAGI & PERSIAPAN DIRI	SARAPAN PAGI & PERSIAPAN DIRI
8.00 – 10.00 pagi		UCAP UTAMA & PERASMIAN	BENGKEL CERAMAH II
10.00 – 12.00 tgh		BENGKEL CERAMAH I	PEMBENTANGAN BENGKEL CERAMAH II
2.00 – 2.00 petang		MAKAN T/HARI & SOLAT ZOHOR	MAKAN T/HARI & SOLAT ZOHOR
2.30 – 3.00 petang	PENDAFTARAN & TAKLIMAT	PEMBENTANGAN BENGKEL CERAMAH II	PENILAIAN KURSUS
3.00 – 4.15 petang	MINUM PETANG & SOLAT ASAR	MINUM PETANG & SOLAT ASAR	PENUTUP
4.15 – 5.15 petang	RIADAH (GURU PJK)	RIADAH (GURU PJK)	
5.15 – 6.30 petang	PERSIAPAN DIRI & MAKAN MALAM	PERSIAPAN DIRI & MAKAN MALAM	
6.30 – 8.00 mlm	SOLAT MAGHRIB USRAH & SOLAT ISYAK	SOLAT MAGHRIB USRAH & SOLAT ISYAK	
8.30 – 10.00 mlm	CERAMAH I	CERAMAH II	

**MASA / HARI : TERTAKLUK KEPADA PINDAAN.**

## LAMPIRAN C

**PENILAIAN KURSUS KEPIMPINAN PELAJAR**

Dengan menggunakan skala di bawah sila berikan penilaian anda mengenai isi kandungan aktiviti dan kaitan isi kandungan dengan kursus.

1. TIDAK MEMUASKAN
2. MEMUASKAN
3. AMAT MEMUASKAN

**A. Kandungan Kursus**

- i) Ucapan utama dan perasmian ( )  
Ulasan : \_\_\_\_\_
- ii) Ceramah I ( )  
Ulasan : \_\_\_\_\_
- iii) Ceramah II ( )  
Ulasan : \_\_\_\_\_
- iv) Bengkel ( )  
Ulasan : \_\_\_\_\_
- v) Penilaian Kursus ( )  
Ulasan : \_\_\_\_\_
- vi) Pendaftaran dan Taklimat ( )  
Ulasan : \_\_\_\_\_

**PENGURUSAN KURSUS**

i) TEMPOH MASA KURSUS

ii) KEMUDAHAN KURSUS

a. Penginapan	<input type="text"/>
b. Makanan	<input type="text"/>
c. Bilik Kuliah	<input type="text"/>
d. Nota-nota	<input type="text"/>

iii) AKTIVITI-AKTIVITI

a. Solat Berjemaah	<input type="text"/>
b. Usrah	<input type="text"/>
c. Qiamullail	<input type="text"/>
d. Riadah	<input type="text"/>

iv) FAEDAH KURSUS

a. Adakah anda telah mendapat faedah dari menghadiri kursus ini.  
 YA  TIDAK

b. Adakah anda ingin memperlakukan kursus ini kepada pelajar-pelajar lain.  
 YA  TIDAK

c. Adakah cadangan anda untuk memperbaiki kursus ini?

---



---

TARIKH : \_\_\_\_\_

TEMPAT : \_\_\_\_\_

**LAMPIRAN D****RANCANGAN AKTIVITI PENGHAYATAN RAMADAN AL-MUBARAK****1. AKTIVITI HARIAN**

<b>BIL.</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>MASA</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>TINDAKAN</b>
1.	Solat fardhu berjemaah	2 waktu	Surau	Pelajar Islam
2.	Bacaan Hadis dan terjemahannya	5 waktu	Surau	Pelajar Islam
3.	Nasyid Al- Asmaul Husna	3 kali	Surau	Pelajar Islam
4.	Latihan Wirid beramai-ramai	5 waktu	Surau	Pelajar Islam
5.	Tadarus Al-Quran	Selepas zohor	Surau	Pelajar Islam
6.	Kelas pengajaran Al-Quran	Selepas zohor	Surau	Tingkatan 1&2
7.	Majlis berbuka puasa	1 kali	Kantin	Semua pelajar
8.	Solat Tarawih	1 kali	Surau	Pelajar Islam
9.	Kempen berpakaian sopan	Sepanjang masa	Kawasan sekolah	Guru & Pelajar

**2. AKTIVITI MINGGUAN**

<b>BIL.</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>MASA</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>TINDAKAN</b>
1.	Kuliah Maghrib	P/hari minggu	Surau	Pelajar Islam
2.	Ceramah	S/solat tarawih	Surau	AJK
3.	Meletakkan poster & risalah buka Ramadan	Sepanjang masa	Sekitar sekolah	AJK
4.	Membersih dan menghias surau	Pagi Ahad/ Jumaat	Surau	AJK Surau

**3. AKTIVITI-AKTIVITI LAIN**

<b>BIL.</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>MASA</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>TINDAKAN</b>
1.	Majlis pelancaran	Awal Ramadan	Dewan Terbuka	Guru & Pelajar
2.	Majlis berbuka puasa & Khatam Al-Quran	Akhir Ramadan	Surau dan Kantin	Guru & Pelajar
3.	Qiamullail	Minggu ke-3 Ramadan	Surau	Guru & Pelajar
4.	Bantuan/derma Hari Raya Anak Yatim/pelajar miskin	Akhir Ramadan	Dewan Terbuka	Guru & Pelajar

**LAMPIRAN E**

**BORANG PENDAFTARAN PERTANDINGAN**

JENIS PERTANDINGAN : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**MAKLUMAT PESERTA**

1. NAMA PENUH : \_\_\_\_\_
2. TARIKH LAHIR : \_\_\_\_\_
3. NO.KAD PENGENALAN : \_\_\_\_\_
4. TINGKATAN : \_\_\_\_\_

**MAKLUMAT KUMPULAN**

1. NAMA KUMPULAN : \_\_\_\_\_
2. AHLI : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

TARIKH : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
( TANDATANGAN )

## LAMPIRAN F

## SENARAI SEMAK AKTIVITI-AKTIVITI

Bil.	Aktiviti	Ya	Tidak	Catatan
1.	Sembahyang berjemaah dan taklim			
2.	Berdoa			
3.	Budaya Salam			
4.	Kempen Berbudaya Sopan			
5.	Bacaan Al-Quran dan Zikir			
6.	Majlis Bacaan Yaasin, Tahlil, Ceramah Ringkas			
7.	Kuliah Subuh			
8.	Usrah			
9.	Barpakaian sopan semasa perhimpunan mingguan dan perhimpunan pagi			
10.	Fardhu Ain			
11.	Gotong Royong			
12.	Ziarah			
13.	Qiamullail			
14.	Kursus Kepimpinan Pelajar / Kefahaman Islam			
15.	Program Penampilan Diri			
16.	Sambutan Hari Kebesaran Islam			
	16.1 Isra' Mikraj			
	16.2 Maulidur Rasul			
	16.3 Ma'al Hijrah			
	16.4 Nuzul Quran			
	16.5 Hari Raya Puasa dan Haji			
	16.6 Asyura			
17.	Perkhemahan			
18.	Penghayatan Ramadhan			
19.	Pertandingan-pertandingan			
	19.1 Nasyid			
	19.2 Tahfiz			
	19.3 Bercerita kisah-kisah Al-Quran			
	19.4 Berzanji			
	19.5 Tulisan Jawi / Khat			
	19.6 Kebersihan / Keceriaan Kelas / Dorm			

**LAMPIRAN G**

KELOMPOK BIMBINGAN @ KEMBARA REMAJA GEMILANG 2010

MASA : 12.30 – 1.30 TGH  
 TARIKH : SETIAP JUMAAT  
 SASARAN : MURID PEREMPUAN TINGKATAN 1 - 5  
 TEMPAT : DEWAN MPV ,SMK KAMUNTING.

TARIKH	PESERTA	INPUT
23 JULAI 2010	TINGKATAN 1 & 2 (SESI PAGI) 1RK,1RKA,2RK, 2RKA,2P1,2P2,2P3 ( 130 ORANG)	Ceramah / Tayangan Slide  : Penyakit Tularan Seks : Remaja : Kejayaan Dimana-mana : Mensyukuri Nikmat : Mata /Telinga : Kemahiran Menyelesaikan Masalah : Kemahiran Membuat keputusan : EQ  - DEBAT : REMAJA MESTI DIBERI KEBEBASAN UNTUK MENENTUKAN HALATUJU DIRI  - INVENTORI HARGA DIRI  - LAGU-LAGU MOTIVASI /ZIKIR
30 JULAI 2010	TINGKATAN 3 3RK, 3RKA, 3P1,3P2,3M1,3M2,( 96 ORANG)	
6 OGOS 2010	TINGKATAN 3 3M3,3M4,3M5,3M6 & 3M7( 98 ORANG)	
13 OGOS 2010	TINGKATAN 4 4S1,4SC2,4S3, 4PMM, 4RC1,4RC2( 106 ORANG)	
20 OGOS 2010	TINGKATAN 4 4V1,4V2,4K1, 4K2,4K3( 57 ORANG)	
3 SEPT 2010	TINGKATAN 5 5S1,5S2,5S3,5S4, 5PMM( 85 ORANG)	
17 SEPT 2010	TINGKATAN 5 5V1,5V2,5V3,5K1,5K2,5K3( 64 ORANG)	
24 SEPT 2010	TINGKATAN 1 & 2 (SESI PAGI) 1RK,1RKA,2RK, 2RKA,2P1,2P2,2P3 (130 ORANG)	
1 OKT 2010	TINGKATAN 4 4S1,4SC2,4S3, 4PMM, 4RC1,4RC2( 106 ORANG)	
8 OKT 2010	TINGKATAN 1 & 2 (SESI PAGI) 1RK,1RKA,2RK, 2RKA,2P1,2P2,2P3 ( 130 ORANG)	
15 OKT 2010	TINGKATAN 1 & 2 (SESI PAGI) 1RK,1RKA,2RK, 2RKA,2P1,2P2,2P3 ( 130 ORANG)	
12 NOV 2010	TINGKATAN 4 4S1,4SC2,4S3, 4PMM, 4RC1,4RC2( 106 ORANG)	

UNIT BIMBINGAN DAN KAUNSELING

**LAMPIRAN H****Menangani Kes Salah Laku Pelajar Melalui Sentuhan Kerohanian**

HUKUMAN selalu sahaja dilihat sebagai bahagian paling penting dalam pelaksanaan sesuatu peraturan atau disiplin di sekolah. Apabila sesuatu peraturan atau undang-undang gagal mengurangkan atau membasmi gejala salah laku, orang ramai selalu sahaja menyalahkan hukuman yang dikenakan kepada pesalah. Konon-kononnya hukuman yang dikenakan tidak memadai, tidak setimpal atau pun kurang berkesan. Jarang-jarang cuba melihat kepada aspek lain seperti penguatkuasaan peraturan itu sendiri.

Atau bagaimana sesuatu hukuman itu dilaksanakan? Sesuatu itu dikatakan hukuman hanya apabila mengandungi tiga elemen penting berikut. Pertama ia bersifat memberi balasan kepada sesuatu kesalahan. Kedua dijalankan oleh orang yang berkuasa. Dalam konteks sekolah kuasa itu hanya diberikan kepada Pengetua atau guru besar. Apabila pengetua menamakan seseorang untuk melaksanakan sesuatu hukuman bagi pihaknya, ia sewajarnya memperturunkan kuasa menjalankan hukuman itu kepada orang yang mewakilinya. Biasanya orang yang memang ada kaitan dengan masalah disiplin pelajar seperti Penolong Kanan HEM atau guru disiplin. Diperturunkan kuasa bukan bererti kuasa itu bertukar tangan daripada seorang pengetua atau guru besar kepada orang berkenaan. Kuasa tetap ada pada pengetua itu. Ketiga, hukuman itu bersifat positif yang menyakitkan atau

menafikan sesuatu yang disukai.

Terdapat sekurang-kurangnya empat nilai sesuatu hukuman itu, iaitu memberi kesan mencegah, memberi kesan mengawal, menimbangkan pemulihan dan untuk mengelakkan "damage control".

Hukuman yang dilaksanakan di sekolah-sekolah boleh berupa daripada seringan-ringannya seperti amaran, denda, penahanan (detention) dan hukuman dera (corporal punishment) sehinggalah kepada seberat-beratnya seperti penggantungan dan pembuangan seseorang pelajar itu. Setiap satu peringkat hukuman itu pula ada tahap-tahapnya. Sebagai contoh jika amaran diguna pakai sebagai jenis hukuman, ia bermula daripada amaran pertama, amaran kedua dan begitulah seterusnya. Begitu juga dengan rotan. Seseorang pelajar itu boleh dikenakan satu atau dua rotan. Itu bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan.

Tentunya apabila sesuatu hukuman itu dilaksanakan ia melibatkan beberapa proses. Apakah wajar seseorang pelajar yang tidak datang ke sekolah tiba-tiba sahaja menerima surat penggantungan sedangkan proses sebelumnya tidak dilalui seperti diberi surat amaran atau ditegur. Jika surat itu dikeluarkan pun adalah wajar dipastikan ianya sampai atau diterima oleh ibu bapa atau penjaga pelajar berkenaan. Maksudnya adakah setiap tahap pelaksanaan sesuatu proses hukuman itu telah dilalui dan jika dilalui adakah ia dilakukan dengan cara-cara yang sewajarnya. Atau lebih tepat dikatakan sebagai cara-cara yang memang legal dan

sah mengikut perundangan. Ini penting kerana dari sinilah masalah akan timbul, iaitu apabila sesuatu hukuman hendak dikenakan ke atas pelajar. Malahan di sinilah “perangkap” yang selalu diguna kembali oleh mahkamah apabila sesuatu prosiding dijalankan. Sebagai contoh, kegagalan guru Tingkatan mematuhi setiap tahap dalam memberi amaran sebelumnya boleh sahaja digunakan oleh mahkamah untuk membuktikan bahawa defendan sebenarnya tidak bersalah. Ia seolah-olah mahu membuktikan bahawa defendan tidak mendapat hak yang sewajarnya sebelum sesuatu hukuman itu dikenakan ke atasnya oleh pihak sekolah. Maksudnya apabila prosedur awal tidak diikuti, bagaimana mungkin ia melompat kepada tahap berikutnya.

Saya kira jelas bahawa jenis hukuman yang sedia ada sudah memadai dan meliputi. Jika ia dikuatkuasakan sepenuhnya dan dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan ia memang mampu mengurangkan kes salah laku walaupun untuk menyatakan membasmi agak keterlaluan. Tetapi persoalannya mengapa berlakunya peningkatan kes salah laku di kalangan pelajar. Adakah hukuman sedia ada perlu ditambah seperti memalukan pelajar di khalayak ramai. Atau dihukum seratus rotan seperti kesalahan berzina sebagaimana yang terkandung dalam hukuman hudud. Atau disebat dengan penyapu, ditendang atau diterajang atau dicucuk benda tajam atau bentuk-bentuk hukuman sadis yang lain.

Atau tok ketampi dua puluh kali. Atau dicubit perut mereka. Atau ditarik telinga mereka. Atau dimaki hamun sahaja mereka ini. Saya memberikan contoh-contoh ini kerana memang jenis-jenis “hukuman tambahan” seperti ini kerap digunakan

oleh seseorang guru semasa saya bersekolah dahulu dan semasa saya menjadi guru pun. "Hukuman tambahan" ini menjadi semakin biasa bagi sesetengah guru.

Adakah wujudnya hukuman-hukuman di balik tabir atau the hidden punishment ini yang menyebabkan pelajar semakin marah kepada guru-guru atau pihak sekolah yang akhirnya menyebabkan berlaku salah laku? Adakah ini sebagai akibat daripada rasa ketidakpuasan hati mereka terhadap hukuman-hukuman tambahan ini?

Tentu ada yang tidak kena. Bagi saya, saya tetap mempertahankan jenis-jenis hukuman yang sedia ada sebagaimana yang ditetapkan oleh kementerian pendidikan. Bagi saya jenis hukuman itu memadai dan meliputi bagi seseorang pelajar. Adalah tidak wajar pelajar yang sedang belajar apabila melakukan kesalahan disamakan dengan orang salah di luar. Pelajar tidak wajar dilayan sebagai orang salah seperti kita melayan banduan yang dilokap atau disel oleh pihak polis. Guru tidak akan menjadi polis sampai bila-bila. Guru adalah guru dan ia tidak boleh dibenarkan menjadi polis walau sesaat pun. Apabila guru menangani sesuatu kes salah laku, ketika ia menangani kes itu ia tetap seorang guru. Malahan apabila Pengetua atau orang yang diturunkan kuasa menghukum seseorang pelajar hukuman itu dijatuhkan atau dilaksanakan oleh seorang pengetua bukan seorang polis. Di sinilah sakralnya pendidikan. Di sinilah bezanya pendidikan.

Pendidikan melihat pelajar ada peluang untuk melakukan kesalahan sebagaimana mereka jada peluang untuk berbuat baik. Dan apabila mereka membuat kesalahan ia wajar dikenakan hukuman yang boleh menyedarkan dirinya bahawa perbuatan yang dilakukannya itu salah dan boleh memudaratkan bukan sahaja dirinya, tetapi juga orang lain. Maknanya setiap hukuman yang dijalankan di peringkat sekolah, ia dijalankan dengan pendidikan dan pengajaran sebagai terasnya, bukan semata-mata hukuman per se. Ini dilakukan dengan harapan bahawa tempoh pendidikan yang dilaluinya selama di sekolah akan menjadikannya orang yang baik suatu hari nanti.

Cara mengenakan hukuman mungkin menjadi salah satu sebab mengapa kes salah laku bertambah. Katakan seseorang pelajar itu akan dirotan. Itulah satu-satunya hukuman yang patut diterima oleh pelajar berkenaan bukan yang lain-lain. Tetapi apa yang berlaku pelajar telah dihukum beberapa kali sebelum hukuman sebenar atau merotan itu dilaksanakan. Malahan pelajar itu nanti akan dihukum lagi dan lagi dan lagi selepas hukuman merotan dijalankan.

Sebelum pelajar itu dihukum ia sudah dinista oleh sebahagian guru. Berbagai-bagai kata kesat dituju kepada pelajar berkenaan sama ada secara langsung atau tidak. Kesannya hukuman yang dijalankan tadi sedikit pun tidak memberi kesan atau sakit ke atas pelajar tadi. Ia tidak berupaya lagi menumbuhkan rasa keinsafan daripada hati kecilnya serentak dengan rotan yang hinggap di punggungnya atau di telapak tangannya kerana di dalam hatinya sudah terlalu sakit mendengar kata-

kata hina gurunya itu. Baginya kata-kata kesat guru yang menghukum dan bagaimana guru menangani kesnya adalah hukuman yang tidak dapat ia terima. Maka timbullah rasa marah, dendam, benci dan memberontak dalam diri pelajar itu.

Selain itu, hubungan kejiwaan antara guru-guru dengan pelajar-pelajar harus dijaga sepanjang masa seperti juga hubungan kejiwaan yang terjalin antara anak yang baik dengan ibu bapa yang soleh. Ia adalah perlindungan semulajadi bagi seseorang pelajar yang dikurniakan oleh Tuhan. Setiap guru harus berupaya mendidik hatinya agar ada rasa belas kasihan, dan husnu dzan kepada setiap pelajarnya termasuklah pada saat-saat hukuman hendak dilaksanakan. Ia tetap Pengetua semasa ia marah atau tidak. Hak-hak untuk didengar, membela diri dan mengetahui tentang kesalahan dan sebab-sebab ia dihukum. Kasihanilah mereka sebagai insan-insan kerdil yang mengharapkan belaian kasih sayang, perhatian dan bimbingan daripada kita.

Janganlah ada terdetik di hati kecil kita perasaan benci kepada mereka semasa kita melaksanakan hukuman kerana takut-takut ia menjadi doa untuk mereka. Takut-takut kita juga akan menerima kiriman yang menyakitkan daripada hati mereka yang tergores itu. Apabila kita mengirinkan perasaan benci kepada murid-murid kita, kita seolah-olah sedang memindahkan gelombang-gelombang negatif kepada diri pelajar tadi. Jika minda terancang pelajar tadi tidak berupaya menghalang kemasukan gelombang negatif ke dalam minda terpendam, dikhuatiri ia akan menerima semua gelombang itu tanpa tapisan lagi memandangkan minda

terpendam itu buta sifatnya. Maka jika ini berlaku dikhuatiri pelajar tadi akan akur dengan gelombang tadi lalu menerima hakikat yang dirinya memang seperti itu-jahat dan tak berguna. Seluruh mood dan sikapnya akan berubah, termasuk pandangannya kepada guru tadi.

Dalam erti kata lain ia juga akan memindahkan perasaan bencinya juga kepada guru yang membencinya. Inilah kuasa mental fax dan spritual linking yang tidak boleh dianalisis secara saintifik yang dianugerahi Tuhan kepada setiap insan, terutama mereka yang mempunyai pertalian rapat antara satu sama lain, seperti antara suami isteri, anak dengan ibu bapa, antara adik beradik dan antara guru-guru dengan pelajarannya.

Kita sebagai guru hanya memberikan yang terbaik kepada anak murid kita. Pastinya yang terbaik itu kita berikan dengan cara yang terbaik juga. Seperti halnya dengan kiriman dan pemberian, kita sewajarnya mengirimkan yang terbaik sahaja untuk anak murid kita. Sebab itu tindakan guru, termasuk ibu bapa dahulu boleh diterima oleh kita walaupun tindakan mereka dikatakan sangat keras berbanding dengan ibu bapa dan guru sekarang. Mereka merotan kita tetapi kita boleh menerimanya. Ketika mereka menghayun rotan itu mereka ingin menjadikan kita manusia berguna. Ketika mereka menghayunkan rotan ke arah kita mulut mereka berkata kepada kita anak bertuah atau murid bertuah. Akhirnya kita pun menjadi manusia berguna. Inilah tuah yang dimaksudkan. Inilah juga barakah daripada sesuatu hukuman yang dikenakan oleh tangan-tangan bersih yang lahir

daripada hati-hati yang bersih.

Inilah kuasa sentuhan hati, tetapi kuasa inilah yang jarang-jarang digunakan kerana apabila rotan dihayunkan hati penuh dengan kemarahan dan “membengkak” sambil mulut memaki hamun ikut suka hati. Mata pula memandang dengan cara yang cukup sinis dan penuh kebencian. Lebih tepat lagi kita menghukum mereka ketika kita marah. Akibatnya, apabila rotan hinggap di punggung ia langsung tidak memberikan bekas dan membawa apa-apa makna kepada diri pelajar itu selain kemarahan, kebencian dan dendam.

Marilah kita gunakan balik kaedah guru-guru kita dahulu dalam melaksanakan sesuatu hukuman. Marilah kita menggunakan pendekatan minda fax dan kerohanian setelah cara yang kita gunakan selama ini gagal membentuk insan seimbang yang diharapkan. Apa salahnya sebelum seseorang pengetua dan guru yang diperturunkan kuasa merotan atau menjalankan sesuatu hukuman mengambil wuduk, beristighfar banyak-banyak atau solat sunat dua rakaat memohon petunjuk daripada Allah. Apalah salahnya sekiranya kita berkunjung ke rumah pelajar yang pernah kita hukum itu, belanja dia makan atau mengajaknya tidur di rumah kita. Tidak adilkah kita apabila melayan pelajar yang pernah bersalah dengan layanan yang baik serupa dengan pelajar yang lain juga. Atau membiarkan mereka dihukum untuk selama-lamanya disebabkan satu kesalahan yang mereka lakukan. Apakah wajar dengan hanya satu kesalahan mereka diletakkan dalam kandang orang salah untuk selama-lamanya.

Sebagai pendidik, tidak kiralah siapa kita – pengetua, guru disiplin, kaunselor atau guru biasa, marilah kita memuhasabah diri kita tentang apa yang telah kita lakukan kepada pelajar-pelajar kita selama ini. Berapa banyak pujian dan kata-kata baik yang kita ungkapkan kepada murid-murid kita sepanjang hari ini berbanding kata-kata kesat dan keji. Berapa kali kita memandang pelajar dengan pandangan sinis, benci, berbanding dengan pandangan yang jernih, penuh harapan dan kasihan.

Berapa kali terdetik di hati kita perasaan benci, berbanding perasaan empati dan husnu dzan. Berapa banyak perkataan terima kasih yang kita gunakan kepada pelajar-pelajar kita sebagaimana yang kita selalu harapkan mereka melakukannya. Berapa senyuman yang kita ukirkan berbanding dengan wajah yang mencuka, murung dan tidak ceria.

Berapa kerap sentuhan yang kita lakukan ke atas pelajar kita dengan penuh rasa kasih sayang dan insaf dalam suatu hari, berbanding dengan tindakan-tindakan agresif dan keterlaluan yang kita hadapkan kepada mereka. Berapa kali dalam sehari kita berbual tentang anak murid kita yang konon-kononnya bodoh, lemah dan tidak ada harapan berbanding kesungguhan kita untuk membantu mereka untuk menjadi manusia berjaya dan berguna. Pernahkah kita mendoakan kesejahteraan anak murid kita sebagaimana mereka mendoakan kesejahteraan kita. Jika pernah berapa kali kita lakukannya dalam sehari.

Mengapakah kita tidak menggunakan alat-alat ini dalam mendidik pelajar-pelajar kita sedangkan alat-alat inilah yang digunakan oleh para nabi, para wali, datuk

nenek dan guru-guru kita suatu ketika dahulu. Generasi terdahulu telah telah berjaya mendidik kita menjadi manusia yang berguna.

Tegasnya sebanyak mana pun hukuman yang dikenakan ke atas seseorang pelajar itu, ia tidak akan menimbulkan keinsafan ke atas diri pelajar berkenaan jika hukuman itu dilaksanakan daripada tangan yang kotor dan hati yang tidak bersih. Hati para pengetua dan guru-guru wajar dibersihkan. Ini bukan dilakukan dengan mandi taubat atau minum air jampi atau melalui aktiviti pembersihan (yaqazah), tetapi melalui bimbingan rohani dan jiwa yang mendalam dalam bidang tasauf, satu bidang yang bukan lagi menjadi pilihan, tetapi keutamaan kepada pentadbir sekolah.

Kitab-kitab tasauf yang muktabar seperti *ihya' ulumuddin*, dan kitab-kitab pendidikan hati yang lain patut dibaca oleh setiap pengetua. Para ulama' seperti ustaz Amran Kasimin dan ustaz Abu Hassan Din al-Hafiz lebih mendesak untuk digunakan perkhidmatan mereka berbanding seorang peguam atau pegawai polis.

Pakar motivasi seperti Dato' Dr Fadzilah Kamsah, Dr. Shukri Abdullah dan nama-nama besar seperti Tun Dr. Mahathir dan pemikirannya wajar disebut berkali-kali dan dijadikan contoh pada setiap masa.

Jika ada program atau kursus dalam perkhidmatan dan kursus peningkatan profesionalisme yang dijalankan, subjek atau topik yang berkaitan dengan bidang tasawuf atau pendidikan hati ini wajar dimasukkan. Pengetua bukan sahaja patut menghafal pekeliling yang berkaitan dengan pelaksanaan disiplin, tetapi mereka patut berupaya membacakan ayat-ayat Quran dan doa-doa tertentu kepada pelajar-pelajar ini. Selain itu ia juga berupaya memetik kata-kata suci Budha, Tao dan Lao.

Kesimpulan daripada perbincangan saya tadi jelas membuktikan metode kebendaan dan nafsu yang digunakan selama ini dalam menangani masalah disiplin tidak akan berjaya jika sentuhan yang dilakukan ke atasnya tidak disertai dengan "tangan-tangan Tuhan". Marilah kita hadirkan Tuhan semasa kita melaksanakan hukuman tadi kerana yang terbaik itu hanyalah daripada Tuhan, sedangkan kita masih lemah dalam banyak perkara. Kita hendaklah sedar untuk selamanya bahawa kita tidak boleh mengambil alih kerja Tuhan walau bagaimana baiknya kita dan sehebat manapun usaha yang kita lakukan. Oleh itu janganlah kita tinggalkan Tuhan kita dalam aspek yang penting ini.

Hakcipta Abd Bashid Harun